

Istilah *syāz* dalam penggunaan hadith dan fiqh: Analisis sejarah dan perbandingan antara disiplin

[The concept of *shādh* in hadith and fiqh: A historical and comparative study across disciplines]

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi¹, Umar Muhammad Noor¹, Amir Asyraf Rushihi^{2,*}

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.

²Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

*Corresponding author; email: amirasyraf@usas.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.vol37no03.724>

Abstrak

Istilah *syāz* merupakan antara konsep penting dalam ilmu hadith dan fiqh, namun penggunaannya berbeza mengikut disiplin. Kajian ini menelusuri perkembangan sejarah istilah *syāz* serta membandingkan penerapannya di sisi muhaddithin dan fuqahā'. Menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan karya klasik dan kontemporari, kajian mendapati bahawa muhaddithin menekankan aspek teknikal sanad dan matan; sesuatu hadith dianggap *syāz* apabila berlaku percanggahan periwayatan dengan jalur yang lebih kukuh atau wujud tafarrud tanpa sokongan yang sahih. Sebaliknya, fuqahā' menggunakan istilah ini dalam kerangka hukum; hadith dinilai *syāz* apabila kandungannya bercanggah dengan al-Quran, hadith mutawātir, ijmak atau realiti amalan umum, sekali gus menolak kebolehgunaannya dalam istinbat hukum walaupun tidak semestinya dianggap dhaif. Perbezaan ini menunjukkan bahawa *syāz* bukan hanya label teknikal, tetapi mencerminkan logik epistemologi kedua-dua disiplin: muhaddithin menapis dari sudut ketepatan riwayat, manakala fuqahā' dari sudut keserasian hukum. Justeru, pemahaman lintas-disiplin diperlukan agar polemik istilah ini dapat dirungkai secara harmonis dan diaplikasikan dengan lebih tepat dalam wacana keilmuan Islam kontemporari.

Kata kunci: *syāz*; muhaddithin; fuqahā'; hadith; fiqh.

Abstract

The term *shādh* is a significant concept in both hadith and fiqh, though its usage differs across disciplines. This study traces the historical development of the term and compares its application among the muhaddithin and the fuqahā'. Employing a qualitative approach through content analysis of classical and contemporary works, the study finds that the muhaddithin emphasize technical aspects of isnād and matn; a narration is deemed *shādh* when it contradicts more reliable transmissions or appears as an isolated report without authentic corroboration. In contrast, the fuqahā' apply the term within a legal framework; a narration is considered *shādh* when its content conflicts with the Qur'an, mutawātir hadith, consensus, or established communal practice, thereby rejecting its usability in legal derivation, even if it is not necessarily classified as weak. These findings indicate that *shādh* is not merely a technical label but reflects the distinct epistemological logic of each discipline: the muhaddithin focus on textual accuracy, while the fuqahā' prioritize legal applicability. Thus, a cross-disciplinary understanding is essential to harmonize the polemics of this term and to ensure its more precise application in contemporary Islamic scholarship.

Keywords: *shādh*; Muhaddithin; fuqaha; hadith; fiqh.

1.0 Pendahuluan

Perkembangan ilmu hadith sebagai salah satu cabang utama dalam tradisi keilmuan Islam telah mendorong kepada penghasilan pelbagai istilah teknikal yang berperanan penting dalam menilai tahap kesahihan sesuatu riwayat (Syed Hassan et al., 2021). Istilah-istilah ini lahir daripada keperluan menyeragamkan kefahaman dalam kalangan ulama, memudahkan perbincangan ilmiah, serta mempercepatkan penyampaian maklumat dalam bidang riwayat. Keperluan ini kemudiannya menjadi asas kepada pembangunan disiplin mustalah al-hadith sebagai kerangka rujukan utama dalam analisis dan penilaian hadith (al-Khaḍar, 'A. A., 2015).

Salah satu istilah penting yang sering menjadi tumpuan ialah *syāz*, yang secara etimologi berasal daripada kalimah arab *syāzza* yang bermaksud “bersendirian” atau “terpisah” (Ibn Fāris, 1979). Namun dari sudut istilah, konsep *syāz* tidak memiliki definisi tunggal yang disepakati. Para ulama hadith klasik dan moden berbeza pandangan dalam menetapkan takrifnya. Sebagai contoh, al-Syāfi‘ī mendefinisikan *syāz* sebagai riwayat seorang perawi tsiqah yang bertentangan dengan riwayat orang ramai (al-Hākim, 1977), manakala al-Hākim menekankan unsur kesendirian tanpa adanya riwayat sokongan (al-Hākim, 1977). Sementara itu, al-Khalīlī pula mengaitkannya dengan riwayat seorang perawi secara bersendirian tanpa syarat percanggahan (al-Khalīlī, 1988). Perbezaan ini menimbulkan persoalan metodologi yang penting, khususnya berhubung dengan pendekatan manhaj mutaqqaddimīn dalam menentukan kesahihan sesuatu hadith.

Menariknya, istilah *syāz* tidak hanya digunakan dalam disiplin hadith, tetapi turut diadopsi oleh fuqaha dalam perbahasan fiqh. Walau bagaimanapun, penggunaannya berbeza kerana tidak terbatas pada analisis sanad dan matan. Sebaliknya, ia digunakan dalam rangka penghujahan hukum untuk menilai tahap penerimaan sesuatu riwayat. Sebagai contoh, Abū Hanīfah menolak hadith *syāz* yang matannya tidak diamalkan atau tidak selari dengan al-Quran, hadith lain, atau ijmak (Ibn Abd al-Barr, 1997). Abū Yūsuf pula mendefinisikannya sebagai hadith yang tidak dikenali ramai, tidak diketahui oleh fuqaha, dan tidak disokong oleh hadith lain (Abū Yūsuf, 1975).

Perbezaan perspektif ini menunjukkan bahawa wacana tentang istilah *syāz* bukan sahaja kompleks tetapi juga bersifat interdisiplin. Justeru, kajian ini meneliti definisi dan aplikasi istilah *syāz* dalam tradisi hadith dan fiqh, bagi memahami bagaimana perbezaan disiplin mempengaruhi metodologi dan hasil penilaian terhadap sesuatu riwayat.

Perbezaan ketara dalam penggunaan istilah *syāz* antara dua disiplin ini menimbulkan beberapa persoalan utama yang menjadi asas kepada kajian ini, antaranya:

1. Apakah sejarah penggunaan istilah *syāz* dalam kalangan fuqaha dan muhaddithin?
2. Apakah peranan istilah *syāz* dalam penggunaan para muhaddithīn dan fuqahā’?
3. Apakah definisi yang paling tepat dan dapat mewakili kedua-dua disiplin secara ilmiah?

Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menelusuri secara mendalam perkembangan sejarah istilah *syāz*, menilai perbezaan penggunaannya antara ilmu hadith dan fiqh, serta menganalisis pendekatan para sarjana dalam memahami dan menerapkan istilah ini. Kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada penyelesaian terhadap kekeliruan yang wujud, serta menawarkan pemahaman yang lebih harmonis dalam aplikasi istilah teknikal seperti *syāz* dalam wacana keilmuan Islam.

Tinjauan Literatur

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang membincangkan konsep dan definisi istilah *syāz* dalam ilmu hadith, sama ada dari sudut sejarah, perbezaan pendekatan, mahupun usaha rekonstruksi makna secara kontemporari. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh M. Yusuf Khayati (2020) bertajuk *Penelusuran Sumber Definisi Syaz al-Syafi‘i: Sebuah Tinjauan Hadith Istidlali*, yang memberi fokus terhadap pendekatan al-Syafi‘i dalam memahami istilah *syāz*. Kajian ini menekankan bahawa al-Syafi‘i tidak memberikan definisi istilah *syāz* secara terminologis, sebaliknya menggunakan pendekatan istidlali (deduktif) dalam menilai periwayatan yang bertentangan. Walaupun kajian ini berjaya mengangkat peranan al-Syafi‘i sebagai pelopor awal konsep *syāz*, ia tidak menelusuri perkembangan selanjutnya dalam kalangan ulama mutaakhirin.

Kajian oleh Ahmad Fauzi (2021) bertajuk *Konsep Syaz dalam Ilmu Mustalah Hadith* pula memperincikan perbezaan definisi *syāz* yang dikemukakan oleh ulama seperti Ibn Hajar, Ibn al-Salah dan al-Khatib al-Baghdadi. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat ketidakselarasan dalam mendefinisikan *syāz*, terutama antara penekanan kepada unsur *tafarrud* dan *mukhālafah*. Kajian ini memberi sumbangan penting dalam memperlihatkan keragaman definisi klasik, namun tidak menyentuh dimensi penggunaannya dalam fiqh atau oleh para fuqaha.

Sementara itu, Busro (2020) dalam artikelnya *Syadz dan Permasalahannya dalam Studi Hadith* mengkritik kekeliruan antara *syāz* dan munkar yang sering berlaku dalam kalangan pengkaji moden. Menurut beliau, pemahaman terhadap *syāz* sering bercampur antara dua istilah tersebut, sedangkan keduanya mempunyai perbezaan prinsip dari aspek kekuatan periwayatan. Kajian ini memberikan penegasan bahawa definisi *syāz* tidak boleh dilemaikan daripada disiplin ilmu rijal dan latar sanad yang mendalam. Namun, kajian ini lebih tertumpu kepada pemurnian istilah dari sudut teknikal sanad tanpa meneliti wacana perbandingan antara dua disiplin iaitu hadith dan fiqh.

Dalam kajian bertajuk *Telaah Kritis terhadap Syaz sebagai unsur kaedah istidlāl hadith* oleh Nur Kholis

Istilah *Syāz* Dalam Penggunaan Hadith Dan Fiqh: Analisis Sejarah Dan Perbandingan Antara Disiplin

Setiawan (2022), fokus diberikan kepada bagaimana istilah *syāz* berperanan dalam pengambilan hukum fiqh. Kajian ini meneliti bahawa para fuqaha sering menggunakan istilah *syāz* untuk merujuk kepada hadith yang lemah hujahnya dari sudut kekuatan istidlal, bukan semata-mata dari aspek sanad. Penemuan ini penting dalam membuka ruang bahawa istilah *syāz* bukan sahaja berlegar dalam mustalah al-hadith tetapi turut mempunyai dimensi praktikal dalam fiqh. Namun, kajian ini tidak menelusuri latar sejarah awal dan asal-usul peralihan maksud istilah tersebut dalam kedua-dua disiplin.

Akhir sekali, kajian oleh Moh. Naufal dan Nurul Azizah (2023) bertajuk Rekonstruksi Konsep *Syāz* dalam Kajian Hadith merupakan antara usaha terkini untuk menstruktur semula definisi *syāz* agar selari dengan keperluan kritikan hadith moden. Kajian ini menggabungkan unsur sanad dan matan secara seimbang dalam menilai *syāz* hadith serta mencadangkan pendekatan holistik yang tidak hanya bergantung kepada kepercayaan terhadap perawi semata-mata. Walaupun usaha ini bersifat konstruktif dan progresif, ia masih terbatas kepada kerangka ulum al-hadith semata-mata dan tidak mengaitkan secara langsung penggunaannya dalam wacana fiqh.

Secara keseluruhan, kelima-lima kajian di atas memberikan sumbangan bermakna terhadap perbahasan istilah *syāz* dalam tradisi hadith, namun kesemua kajian tersebut belum menggarap secara tuntas hubungan dan perbandingan penggunaan istilah *syāz* antara dua disiplin utama iaitu hadith dan fiqh. Oleh itu, kajian ini hadir untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti sejarah, definisi dan aplikasi istilah *syāz* secara perbandingan antara perspektif muhaddithin dan fuqaha, sekaligus memberikan kerangka yang lebih menyeluruh terhadap penggunaannya dalam wacana keilmuan Islam.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia paling sesuai untuk memahami dimensi makna, kerangka epistemologi, serta dinamika penggunaan istilah *syāz* dalam dua disiplin utama iaitu ilmu hadith dan fiqh. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menelusuri perkembangan sejarah dan metodologi penggunaan istilah tersebut, serta menganalisis perbezaan pendekatan antara para muhaddithin dan fuqaha dari sudut takrifan, aplikasi, dan implikasinya terhadap penilaian riwayat serta penghujahan hukum ((Ahmad Sunawari Long, 2015; Idris, 2018; Jamil, 2019).

Memahami sejarah merupakan satu kaedah penting untuk mengkaji faktor kemunculan sesuatu konsep secara lebih sistematik. Justeru itu, kajian ini turut mengaplikasikan metodologi sejarah sebagai kerangka asas untuk mengumpulkan data-data yang sahih, menilai secara kritis, dan menulis semula naratif perkembangan istilah *syāz* dalam bentuk yang dikenali sebagai historiografi (Muhd Yusof Ibrahim, 1986). Melalui kaedah ini, pengkaji meneliti kemunculan awal istilah *syāz*, perubahan definisi dalam kalangan ulama klasik, dan adaptasi konsep ini dalam konteks fiqh dari semasa ke semasa.

Bagi tujuan pengumpulan data, kaedah dokumentasi digunakan sebagai teknik utama. Sumber primer terdiri daripada karya-karya utama dalam bidang hadith dan fiqh yang merakamkan penggunaan istilah *syāz*. Sumber sekunder kajian pula terdiri daripada artikel jurnal, tesis akademik, dan buku-buku kontemporari yang membincangkan mustalah al-hadith, sejarah istilah teknikal hadith, serta perbandingan metodologi dalam bidang hadith dan fiqh. Bahan-bahan ini diperolehi melalui perpustakaan fizikal, koleksi ilmiah peribadi, serta pangkalan data digital seperti Scopus, JSTOR, Google Scholar, dan MyJurnal.

Untuk tujuan analisis, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik dan kronologikal. Pandangan para tokoh serta teks utama dikaji dan dikategorikan mengikut tema seperti: definisi *syāz* menurut muhaddithin, penggunaan *syāz* dalam fiqh, asas perbezaan antara dua disiplin, serta kesan aplikasinya terhadap penilaian riwayat dan hukum. Pendekatan historiografi turut digunakan untuk mengenal pasti perkembangan makna, titik-titik perubahan penting dalam sejarah istilah ini, serta implikasi epistemologinya terhadap kajian hadith kontemporari.

Keseluruhan pendekatan ini bertujuan untuk membina satu analisis yang menyeluruh dan disiplin terhadap istilah *syāz*, serta menyumbang kepada kefahaman yang lebih tepat dan seimbang antara dua tradisi besar ilmu Islam, iaitu hadith dan fiqh.

3.0 Dapatan dan Perbincangan

Sejarah Penggunaan Syaz dalam Kalangan Fuqahā'

Para fuqahā' berbeza pandangan mengenai definisi *syāz* dari sudut ilmu fiqh. Sebahagian mereka berpendapat bahawa ia ialah pendapat seseorang yang menyelisihi pendapat majoriti, dan meninggalkan pendapat majoriti. Ada pula yang berpendapat bahawa apabila seseorang menarik balik pendapatnya, maka fatwa yang ditinggalkan itu disebut sebagai *syāz*, seperti ungkapan: 'unta yang terpisah dari kumpulannya selepas berada dalamnya disebut *syāz*.' Adapun pendapat golongan majoriti maka ia tidak dinamakan *syāz*, kerana pendapat majoriti yang layak diikuti (Al-Zarkasyi, 1994).

Menurut Asyraf Umar (2001), di sisi Hanafiyah, hadith diklasifikasikan sebagai *syāz* apabila ia diriwayatkan

oleh perawi yang dipercayai secara bersendirian (tafarrud) namun kandungan hadith tersebut bercanggah dengan prinsip-prinsip besar syarak seperti al-Quran, hadith mutawātir, ijmak, akal yang sahih atau perkara yang sudah menjadi amalan umum masyarakat (umūm al-balwā). Pandangan ini menunjukkan bahawa periwayatann tafarrud dan unsur percanggahan dengan dalil yang lebih kukuh menjadi asas penilaian *syāz* di sisi fuqahā' Hanafiyah.

Namun demikian, kajian ini berpandangan bahawa definisi tersebut memerlukan semakan kerana ia tidak sepenuhnya menepati kerangka asal penggunaan istilah *syāz* di sisi fuqahā' Hanafiyah sendiri. Hal ini dapat difahami melalui penjelasan Ibn Abd al-Barr dalam al-Tamhīd (lihat Ibn Abd al-Barr, 1997) yang menyebut bahawa Abū Hanifah sering menolak hadith-hadith ahad yang diriwayatkan oleh perawi yang adil apabila kandungannya bertentangan dengan hadith-hadith lain yang lebih sahih atau dengan prinsip al-Quran. Abū Hanifah menamakan riwayat yang bercanggah sedemikian sebagai khabar *syāz* dan menolaknya. Pendekatan ini lebih menekankan unsur mukhālafah berbanding semata-mata tafarrud perawi. Hal ini turut disokong oleh contoh pendekatan Abū Yūsuf, sebagaimana dinyatakan dalam al-Radd 'alā Siyar al-Awzā'ī. Abū Yūsuf menyatakan: "Ambillah daripada hadith apa yang dikenal oleh orang ramai, dan jauhilah hadith yang *syāz* daripadanya. Maka jauhilah hadith-hadith yang *syāz*, dan berpeganglah kepada hadith-hadith yang dipegang oleh jemaah (majoriti), yang dikenal oleh para fuqaha, dan yang selari dengan al-Kitab dan al-Sunnah". Abū Yusof menasihatkan agar hanya berpegang kepada hadith yang dikenal umum, masyhur di sisi fuqahā', dan tidak bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah. Hadith yang *syāz*, pada pandangan beliau, ialah hadith yang tidak masyhur, tidak dikenali oleh para fuqahā' dan tidak selari dengan sumber utama syarak bukan semestinya kerana ia diriwayatkan secara tafarrud. Malah, hadith yang tidak masyhur boleh sahaja diriwayatkan oleh lebih daripada seorang perawi (Alawi, 2008).

Berdasarkan dapatan ini, kajian ini mencadangkan agar definisi *syāz* dalam konteks fuqahā' difahami sebagai hadith yang mengandungi unsur kejanggalan dari sudut kebolehamalan hukum, sama ada kerana bercanggah dengan dalil qat'ī, prinsip ijmak atau realiti umum masyarakat, tanpa mengikatnya semata-mata kepada unsur tafarrud. Definisi ini lebih tepat dengan kerangka penilaian fuqahā' yang menitikberatkan sejauh mana sesuatu hadith dapat diamalkan secara praktikal dalam penetapan hukum. Justeru, cadangan ini diharap dapat membantu menjelaskan keunikan pendekatan fuqahā' dalam menggunakan istilah *syāz*, berbeza dengan pendekatan muhaddithīn yang lebih teknikal dan terikat pada kriteria sanad dan matan.

Sejarah Penggunaan Syaz dalam Kalangan Muhaddithīn

Pada peringkat awal perkembangan ilmu hadith, istilah *syāz* digunakan oleh para muhaddithīn dalam konteks yang umum, lebih kepada makna bahasa iaitu sesuatu yang terpencil atau terasing daripada kebiasaan. Penggunaan istilah ini pada mulanya belum lagi dibentuk sebagai definisi teknikal, tetapi lebih berperanan sebagai bentuk celaan atau amaran terhadap ilmu atau riwayat yang dianggap menyimpang. Hal ini dapat dilihat melalui ucapan beberapa tokoh salaf seperti Ibrāhīm bin Abī 'Ablah yang berkata, "Sesiapa yang membawa ilmu yang *syāz*, dia membawa banyak keburukan." Mu'āwiyah bin Qurrah turut menasihatkan agar berhati-hati terhadap ilmu yang *syāz*, manakala Syu'bah menegaskan bahawa "tidak akan datang kepadamu hadith yang *syāz* melainkan daripada orang yang *syāz*." Begitu juga Ibn Mahdī menyebut bahawa seseorang itu tidak akan menjadi imam dalam ilmu sekiranya dia meriwayatkan hadith yang *syāz*. Penekanan mereka ini menunjukkan bahawa istilah *syāz* pada peringkat awal digunakan sebagai isyarat kepada kejanggalan riwayat atau kecacatan yang boleh menimbulkan keraguan. Peranan awal ini lebih bersifat penilaian moral dan amalan berhati-hati, bukan takrif mustalah yang rapi. Hal ini mengukuhkan fahaman bahawa fungsi awal *syāz* berakar daripada maksud bahasa yang memberi konotasi 'penyimpangan'.

Perkembangan kepada usaha membina definisi yang lebih teknikal dapat dilihat melalui pandangan Imām al-Syāfi'ī yang sering dianggap antara tokoh terawal menjelaskan maksud *syāz* dalam kerangka disiplin hadith. Beliau menegaskan bahawa bukan sesuatu yang *syāz* dalam hadith apabila seorang perawi tsiqah meriwayatkan sesuatu yang tidak diriwayatkan oleh orang lain, tetapi *syāz* ialah apabila seorang perawi tsiqah meriwayatkan hadith yang bertentangan dengan riwayat orang ramai. Pendekatan al-Syāfi'ī jelas meletakkan unsur mukhālafah atau percanggahan sebagai syarat penting berlakunya *syūzūz*. Namun, beberapa pengkaji kontemporari seperti Reza Pahlevi dan Dedi Masri (2018) membahaskan bahawa kenyataan ini tidak ditemui dalam karya asal al-Syāfi'ī, sebaliknya hanya direkodkan dalam Ma'rifah 'Ulūm al-Hadīth oleh al-Hākim dan Manāqib al-Syāfi'ī oleh al-Baihaqī. Walaupun kedua-dua tokoh ini mempunyai sanad yang bersambung kepada al-Syāfi'ī, terdapat kemungkinan bahawa petikan tersebut hanya mewakili riwayat secara makna. Tambahan pula, konteks kenyataan itu menunjukkan bahawa al-Syāfi'ī sedang memberikan jawapan balas kepada definisi *syāz* yang digunapakai oleh fuqahā', khususnya dalam kalangan Hanafiyah. Sebahagian sarjana seperti Hatim al-'Awnī menegaskan bahawa pandangan ini muncul sebagai respons al-Syāfi'ī terhadap golongan yang menolak hadith jamak solat dengan alasan ia *syāz*. Justeru, pandangan al-Syāfi'ī dilihat lebih bersifat istidlal balas dan bukan definisi induk yang mewakili keseluruhan pendekatan muhaddithīn pada masa itu.

Penggunaan istilah *syāz* kemudian berkembang dengan pelbagai nuansa definisi oleh tokoh-tokoh besar hadith yang lain. Al-Hākim (1977), misalnya, membezakan antara hadith *syāz* dan hadith *mu'allal*. Beliau menyatakan bahawa hadith *mu'allal* ialah hadith yang diketahui sebab kecacatannya secara jelas seperti tercampur riwayat, kesilapan perawi atau percampuran sanad. Adapun hadith *syāz* menurut beliau ialah hadith yang diriwayatkan secara

bersendirian oleh perawi tsiqah daripada kalangan perawi-perawi tsiqah yang lain, namun riwayat itu tidak mempunyai asal yang menyokongnya. Hal ini menunjukkan bahawa *syuzūz* di sisi al-Hākim ialah kecacatan tersembunyi yang memerlukan penelitian mendalam berbanding *‘illah* yang dapat dikesan melalui percanggahan riwayat sahaja. Dalam tradisi muhaddithīn lain, definisi ini tidak terpakai secara mutlak. Ali bin al-Madīnī pernah menggunakan istilah *syāz* apabila beliau berkata, “Sanadnya hasan, akan tetapi hadithnya *syāz* dan ghayr ma‘rūf,” yang menurut Tāriq ‘Udah (2010) berkemungkinan besar merujuk kepada hadith yang telah dinasakhkan penggunaannya. Ahmad bin Hanbal pula menggunakan istilah *syāz* bagi hadith Asmā’ binti ‘Umays mengenai tempoh berkabung, yang dinilainya sebagai tidak boleh dijadikan sandaran kerana bertentangan dengan pelbagai jalur riwayat lain. Bahkan Abū Hātim dan al-Dāraqutnī turut menjelaskan bahawa hadith tersebut bermasalah dari sudut kesilapan *marfū’* dan *mursal* (Basyar Awwadh Ma‘rūf, 2013). Begitu juga al-Khalīlī menegaskan bahawa hadith *syāz* ialah hadith yang hanya mempunyai satu sanad di mana seorang syaikh, sama ada *tsiqah* atau tidak, telah bersendirian meriwayatkannya. Jika perawi itu tidak *tsiqah*, maka hadith tersebut ditolak, manakala jika perawinya *tsiqah* maka ia ditangguk dan tidak boleh dibuat hujah.

Pelbagai contoh ini menunjukkan bahawa *syāz* menurut *muhaddithīn* tidak terhad kepada unsur percanggahan riwayat semata-mata, tetapi juga merangkumi unsur *lafarrud* tanpa sokongan asal yang kukuh serta potensi wujudnya kesilapan tersembunyi dalam sanad atau matan. Justeru, dapat dirumuskan bahawa *syāz* dalam disiplin *muhaddithīn* membawa makna yang lebih luas, mencakupi sebarang unsur kejanggalan yang mengganggu ketepatan sesuatu riwayat.

Perbandingan Penggunaan Syāz di Sisi Fuqahā’ dan Muhaddithīn

Berdasarkan perbincangan sejarah penggunaan istilah *syāz*, dapat disimpulkan bahawa wujud dua konsep utama dalam mendefinisikan dan menerapkan istilah ini, bergantung kepada pendekatan disiplin masing-masing. Dalam tradisi muhaddithīn, *syāz* merujuk kepada sesuatu riwayat yang mempunyai unsur kejanggalan kerana berlakunya percanggahan (*mukhālafah*) antara periwayatan seorang perawi dengan periwayatan para perawi *tsiqah* lain yang lebih kukuh. Hal ini secara langsung menekankan aspek ketepatan riwayat daripada sudut sanad dan matan. Definisi ini berpunca daripada usaha para *muhaddithīn* untuk memastikan riwayat yang diterima benar-benar selari dengan jalur periwayatan yang sahih dan tidak menimbulkan keraguan terhadap kualiti sumber. Tokoh seperti Imām al-Syāfi‘ī, al-Hākim, Ali bin al-Madīnī, Ahmad bin Hanbal dan lain-lain, walaupun berbeza dalam perincian teknikal, tetap berkongsi prinsip bahawa kejanggalan riwayat menjadi indikator penting bagi menilai status kesahihan sesuatu hadith (Pahlevi & Masri, 2018; Basyar Awwadh Ma‘rūf, 2013).

Sebaliknya, dalam tradisi fuqahā’, istilah *syāz* difahami secara lebih luas dari segi implikasi hukum dan penggunaannya dalam amalan fiqh. Para fuqahā’ menilai kejanggalan bukan semata-mata kerana percanggahan dengan riwayat lain tetapi lebih kepada pertentangan kandungan hadith dengan sumber-sumber utama syarak seperti al-Quran, hadith mutawātir, ijmak atau realiti amalan masyarakat (umūm al-balwā). Seperti yang dinyatakan oleh Asyraf Umar (2001), dalam kerangka Hanafiyah khususnya, hadith *syāz* adalah hadith yang jika diterima akan bercanggah dengan dalil *qat’ī* atau ijmak. Ibn Abd al-Barr (1997) turut menjelaskan bagaimana Abu Hanifah menolak riwayat *ahad* yang menyelisihi keterangan al-Quran atau konsensus, lalu menamakannya sebagai khabar *syāz*. Abū Yūsuf pula berpegang bahawa hadith *syāz* ialah hadith yang tidak dikenali oleh para *fuqahā’*, tidak masyhur dan tidak disokong oleh sumber lain yang lebih kukuh (Alawi, 2008). Begitu juga, apabila para *fuqahā’* mengatakan sesebuah hadith sebagai *syāz* tidak semestinya mereka memaksudkan hadith itu *dhaif* dan tidak boleh disandarkan kepada Nabi SAW. Namun mereka memaksudkan hadith itu tertolak kebolegunaannya (Al-Ghumārī, ‘A. S., 2013).

Jika diperhalusi, dapat dilihat bahawa *muhaddithīn* lebih menumpukan aspek teknikal sanad seperti kedudukan perawi, tingkatan *tsiqah*, percanggahan jalur dan sokongan asal periwayatan. Ini menjadikan *syāz* di sisi muhaddithīn satu petunjuk kepada kemungkinan tersembunyi kecacatan yang akan mencatitkan status hadith. Dalam konteks ini, percanggahan antara riwayat seorang perawi dengan jalur riwayat yang lebih kukuh adalah asas utama. Sebaliknya, *fuqahā’* menilai *syāz* dari sudut kebolegunaan sesuatu riwayat untuk diaplikasikan dalam penetapan hukum. Mereka menilai matan secara langsung, menimbangannya dengan prinsip-prinsip syarak yang tidak berubah dan amalan yang telah diakui secara kolektif. Justeru, aspek mukhālafah yang diperhatikan fuqahā’ lebih kepada pertentangan kandungan dengan sumber muktamad syarak, bukan semata-mata percanggahan sanad dengan sanad.

Secara keseluruhannya, dua konsep ini menunjukkan perbezaan fokus yang mendasar. Muhaddithīn mengutamakan ketepatan data periwayatan melalui penelitian sanad, manakala fuqahā’ menitikberatkan keserasian kandungan hadith dengan prinsip hukum yang tidak bercanggah dengan dalil qat’ī. Walaupun perbezaan ini kelihatan jelas, kedua-duanya sebenarnya saling melengkapi kerana berperanan menapis riwayat daripada dua sudut yang berbeza: disiplin sanad dan matan di satu pihak, dan disiplin istinbat hukum di pihak yang lain. Justeru, memahami perbezaan ini penting agar aplikasi istilah *syāz* tidak disalahertikan dalam penilaian status hadith mahupun penerapannya dalam penetapan hukum fiqh.

Penegasan ini sekaligus menegaskan bahawa istilah *syāz* bukan hanya sekadar label teknikal tetapi menjadi cerminan kepada logik disiplin masing-masing. *Muhaddithīn* dan *fuqahā’* meletakkan titik berat yang berbeza berdasarkan objektif disiplin: muhaddithīn menjaga kesahihan sumber riwayat, manakala fuqahā’ memastikan

kebolegunaan riwayat seiring maqasid syariah. Oleh itu, setiap definisi *syāz* haruslah difahami dalam kerangka keilmuan asalnya agar tidak berlaku kekeliruan dalam kajian dan amalan kontemporari. Namun kedua-dua kelompok bersepakat bahawa *syāz* merupakan satu masalah yang berlaku pada hadith sehingga menyebabkannya tertolak. Rujuk jadual di bawah sebagai perbandingan:

Aspek	Muhaddithīn	Fuqahā'
Fokus utama	Menjaga ketepatan sanad dan matan riwayat	Menilai kebolegunaan hadith dalam hukum fiqh
Definisi Syāz	Riwayat yang mempunyai kejanggalan. Boleh jadi berpunca daripada percanggahan, tafarrud dan sebagainya.	Riwayat yang bertentangan dengan al-Quran, hadith mutawātir, ijmak, atau amalan umum (umūm al-balwā)
Aspek yang dinilai	Kedudukan perawi, tingkatan tsiqah, percanggahan sanad dengan sanad	Kandungan hadith, keserasian dengan prinsip syarak, pertentangan dengan konsensus fiqh
Tokoh berkaitan	Para muhaddithīn	Para fuqahā' khususnya Hanafiyah
Implikasi Syāz	Menunjukkan adanya kecacatan tersembunyi → hadith tidak sahih	Hadith tertolak dari segi penerapan hukum, walaupun tidak semestinya dianggap dhaif
Objektif disiplin	Menapis riwayat agar sumber hadith benar-benar tepat dan sahih	Menapis riwayat agar hukum fiqh tidak bercanggah dengan dalil-dalil lain serta selari dengan maqasid syariah
Kesimpulan umum	Syāz = masalah sanad/matan	Syāz = masalah matan/aplikasi hukum

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa istilah *syāz* bukan sekadar satu label teknikal yang berdiri sendiri, tetapi mencerminkan cara pandang dan kerangka penilaian yang berbeza antara disiplin *muhaddithīn* dan *fuqahā'*. Berdasarkan penelusuran sejarah dan analisis perbandingan, dapat dirumuskan bahawa definisi *syāz* di sisi para muhaddithīn lebih menekankan aspek percanggahan periwayatan antara perawi yang tsiqah dengan jalur periwayatan yang lebih kuat, justeru memberi fokus kepada ketepatan sanad dan keutuhan matan. Sebaliknya, di sisi *fuqahā'*, penekanan diberikan kepada pertentangan matan hadith dengan dalil qat'ī seperti al-Quran, hadith mutawātir, ijmak atau amalan umum, menjadikan kebolegunaan dan penerimaan hadith dalam istinbat hukum sebagai tumpuan utama.

Perbezaan kerangka ini membuktikan bahawa istilah *syāz* mempunyai dinamika yang kaya dan tidak wajar disempitkan kepada satu definisi tunggal yang merentas disiplin tanpa mengambil kira logik epistemologi masing-masing. Dalam masa yang sama, kajian ini turut menyorot bagaimana unsur tafarrud, mukhālafah dan keselarasan dengan maqāsid syariah berfungsi sebagai neraca penilaian yang berbeza namun saling melengkapi. Oleh itu, pemahaman lintas disiplin yang lebih menyeluruh perlu diterapkan agar polemik istilah *syāz* dapat dirungkai secara harmoni, dengan mengambil kira keperluan pengekalan keaslian kaedah muhaddithīn serta kepentingan aplikasi praktis dalam fiqh.

Hasil daripada kajian ini juga diharap dapat menjadi rujukan berguna dalam wacana penilaian hadith semasa, khususnya bagi penyelidik dan pelajar hadith yang ingin memahami konteks sejarah, variasi definisi serta justifikasi metodologi di sebalik istilah *syāz*. Sebagai cadangan lanjutan, kajian mendapati perlunya penelitian lebih mendalam terhadap bagaimana istilah *syāz* diaplikasikan dalam takhrij hadith kontemporari serta sejauh mana ia mempengaruhi keputusan tarjih dan fatwa semasa. Hal ini penting agar warisan keilmuan klasik dapat terus dihidupkan dalam kerangka keilmuan moden dengan kefahaman yang lebih tepat, berimbang dan relevan.

Rujukan

- Al-Ghumari, Abd Allah bin Siddiq. (2012). *Sabil al-Taufiq fi Tarjamati Abd Allah bin Siddiq*. Kaherah: Maktabah Qahirah.
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (2003). *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*. Riyadh: Dar Taybah.
- Farouq Hammadah. (2006). *Abdullah bin Siddiq al-Ghumārī, al-Hafiz al-Naqid*. Dimasq: Dar al-Qalam.
- Al-Bagdadi, Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Tsabit al-Khatib. (2000). *Al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Riyadh: Dar Ibn al-Jauzi.

- Ibn al-Ṣalāḥ al-Shahrazūrī, 'U. b. 'A. al-R. (1986). *Ma'rifah anwā' 'ulūm al-ḥadīth*. Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr al-Mu'āshir.
- Al-'Asqalānī, A. b. 'A. b. Ḥ. (2000). *Nuzhah al-naẓar fī tawdīḥ nukhbah al-fikar*. Damascus, Syria: Maṭba'ah al-Ṣabbāḥ.
- Al-Hanbali, Abd al-Rahman bin Ahmad bin rejab. (1986). *Syarah Ilal al-Tirmizi*. Jordan: Maktabah al-Manar.
- Al-Idlibi, Salahuddin bin Ahmad. (2013). *Manhaj Naqd al-Matn Inda ulama al-Hadis al-Nabawi*. Jordan: Dar al-Fath.
- Al-Ghumārī, 'A. S. (2013). *Al-fawā'id al-maqṣūdah fī bayān aḥādīth al-shādhah al-mardūdah*. Jordan: Dār Imām al-Nawawī.
- Al-Albani, I. (2025). *Kalam al-shaykh 'alā 'Abd Allāh al-Ghumārī fī taḍ'īfihī wa ḥukmihi 'alā ba'd al-aḥādīth bi-al-shudhūd* [Audio]. al-albany.com. <http://al-albany.com/audios/content/2654/>
- Muhammad Zulhelmi Sidek, & Latifah Abdul Majid. (2022). *Pandangan dan interaksi 'Abd Allāh al-Ghumārī terhadap hadis al-Mahdawiyyah* ['Abd Allāh al-Ghumārī's opinion and interaction on al Mahdawiyyah hadiths]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 683–696.
- Dalimuthe, R. P., & Masri, D. (2018). *Penelusuran sumber definisi syāz al-Syāfi'ī: Sebuah kajian bibliografis*. *Wawasan: Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya*, 3(2), 198–214.
- Afriza, N. A., & Nasution, K. B. (2024). *Rekonstruksi konsep syāz dalam kajian hadis: Telaah pemikiran Syaikh Abdullah Al-Ghumari*. *Jurnal Keislaman*. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Mandailing Natal.
- Supian, A. (2015). *Konsep syādz dan aplikasinya dalam menentukan kualitas hadis*. *Nuansa: Jurnal Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam*, 12(2), 269–286.
- Idris, M. (2019). *TELAAH KRITIS TERHADAP SYAZ SEBAGAI UNSUR KAEDAH KESAHIHAN MATAN HADIS*. *Tahdis: Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis*, 6(2). <https://doi.org/10.24252/tahdis.v6i2.7176>
- Al-Ghalbazuri, Nusaibah. (2001). *'Abd Allah bin al-Siddīq al-Ghumārī: Juhuduhu wa Manhājuhu fī al-Tafsir wa 'Ulum al-Quran*. Tesis Peringkat Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Muhammad V. Rabat, Maghribi.
- Al-Ghumari, 'Abd Allahbin Siddīq. 2016. *Mausu'ah al-'Allāmah al-Muhaddīth al-Mutafannin Sayyidi al-Syarif 'Abd Allahbin Muhammad bin Siddīq al-Ghumārī al-Hasanī*. Cetakan Kedua. Mesir, Kaherah-Iskandariah: Dar al-Salam.
- Al-Jabbari, 'Abd Allah. (2011). *al-Ijtihad al-Fiqhi'Inda al-Hāfiẓ'Abd Allāhbin Siddīq al-Ghumārī al-Hasanī*. Cetakan Pertama. Lubnan, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abā al-Khayl, K. b. 'A. al-' (2021). *Madkhal 'ilā dirāsah nazariyyah taṭawwur al-muṣṭalah al-ḥadīthī: Muṣṭalah al-shādh namūdhan*. *Majallah Kuliyyah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-'Arabiyyah li al-Banāt bi Damanhūr*, (6/2–3), 495–520.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, 'A. b. A. (1987). *Sharḥ 'ilal al-Tirmidhī* (Vol. 2, p. 625). Jordan: Maktabah al-Manār.
- Al-Ḥākim al-Naysābūrī, M. b. 'A. (1977). *Ma'rifah 'ulūm al-ḥadīth* (p. 119). Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-'Imrānī, N. b. al-S. (2010). *Qarā'in al-tarjīḥ fī al-maḥfūz wa al-shādh wa fī ziyādah al-tsiqah 'inda al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar* (p. 62). Riyadh, Saudi Arabia: Maktabah al-Rushd.
- Abū Ya'lā al-Khalīlī, K. b. 'A. (1409 H). *Al-irshād fī ma'rifah 'ulamā' al-ḥadīth* (Vol. 1, p. 176). Riyadh, Saudi Arabia: Maktabah al-Rushd.
- Asyraf Umar. (2011). *Al-Hadīth al-Syāz: Ta'sīl wa Tashīl*. Mesir: Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- Ibn 'Abd al-Barr, A. b. 'A. (2017). *Al-Tamhīd limā fī al-Muwatṭa' min al-ma'ānī wa al-asānīd fī ḥadīth Rasūl Allāh ṣallā Allāh 'alayhi wa-sallam* (Bishr 'A. Ma'rūf, M. B. 'A. 'Awad, S. M. 'Āmir, & M. B. Bashār [Pnyt.], Cet. 1, Vol. 1–26). London: Mu'assasah al-Furqān li al-Turāth al-Islāmī.
- Abū Yūsuf al-Qāḍī, Y. b. I. b. Ḥ. b. S. b. Sa'd b. Ḥujjah al-Anṣārī. (2011). *Al-Radd 'alā Sīr al-Awzā'ī* (A. al-W. al-Afghānī [Pnyt.], Cet. 1). Hyderabad, India: Ihyā' al-Ma'ārif al-Nu'māniyyah.
- Syed Hassan, S. N., Mohd Amin, M. Z., Tawil, S. F. & Abdul Wahid, F. (2021). *Model interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran hadis era pandemik Covid-19*. *Jurnal al-Sirat*, 2(19), 16-23.
- al-Khaḍar, 'A. A. (2015). *Muṣṭalah al-ḥadīth qabl al-taṣnīf: Dirāsah tahlīliyyah muqāranah* (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). Universiti Damsyik, Syria.
- Idris, M. A. , M. H. , & I. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. UM Press.
- Jamil, K. H. B. (2019). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. By Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. In *Intellectual Discourse*, 28(1). Universiti Malaya.
- Ahmad Sunawari Long. (2015). *Metodologi penyelidikan pengajian Islam* . Penerbit UKM Press. <https://ilhambooks.com/metodologi-penyelidikan-pengajian-islam>.
- Al-Ghumārī, 'A. S. (2013). *Al-fawā'id al-maqṣūdah fī bayān aḥādīth al-shādhah al-mardūdah*. Jordan: Dār Imām al-Nawawī.